

12 DEC 1996

Rais-Surat

RAIS HANTAR SURAT KEPADA PM DAN SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Datuk Dr Rais Yatim berkata beliau telah mengirim dua pucuk surat ke ibu pejabat Umno bagi membantu menyelesaikan masalah berkaitan permohonan bekas anggota parti itu untuk menyertai Umno.

Katanya, surat-surat itu dihantar kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Setiausaha Agung, Datuk Sabbaruddin Chik minggu lepas.

"Saya menulis surat itu atas dasar peribadi dan keinginan untuk melihat permohonan bekas anggota S46 untuk menyertai Umno tidak menghadapi apa-apa masalah yang boleh menjejaskan matlamat utama pembubaran parti kami (pada 6 Okt lepas)," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Pada 29 Nov lepas, Sabbaruddin telah berkata hanya 10,000 daripada 200,000 permohonan bekas anggota S46 untuk menyertai Umno boleh diterima secara automatik.

Katanya, 120,000 permohonan perlu dikaji dengan teliti kerana ia melibatkan pembukaan cawangan-cawangan baru di cawangan-cawangan sedia ada manakala borang 60,000 pemohon tidak diisi dengan sempurna, pemohon masih di bawah umur kelayakan 18 tahun dan ada juga yang sudahpun menjadi anggota Umno.

Rais berkata, antara cadangan yang dikemukakan beliau ialah supaya kesemua 120,000 bekas anggota S46 yang memohon untuk membuka cawangan-cawangan baru itu diserapkan sahaja ke cawangan-cawangan sedia ada jika permohonan mereka untuk menubuhkan cawangan-cawangan baru ditolak.

Katanya, selepas proses penyerapan, ibu pejabat Umno hendaklah memberitahu kesemua pemohon itu sama ada keanggotaan mereka di cawangan-cawangan terbabit diterima atau sebaliknya.

"Kita tahu ada cawangan atau bahagian tak mahu menerima bekas anggota S46 kerana sebab-sebab tertentu. Sebab itulah bekas anggota parti kami memohon untuk membuka cawangan-cawangan baru.

"Tetapi atas semangat perpaduan Melayu yang kita jalin dan ikrar taat setia yang telah kami berikan, saya yakin bekas anggota S46 tidak keberatan untuk menyertai cawangan-cawangan sedia ada," katanya.

Katanya, surat pemberitahuan sama ada penyerapan mereka itu diterima atau tidak amat penting bagi menghilangkan keresahan di kalangan bekas anggota S46 yang masih ternanti-nanti jawapan kepada permohonan mereka untuk menyertai Umno.

Mengenai kedudukan bekas anggota parti itu yang sebenarnya sudah menyertai Umno tetapi masih memohon bersama-sama anggota yang lain, Rais berkata apa yang beliau tahu nama mereka sememangnya terdapat dalam komputer S46.

Bagi borang permohonan yang tidak lengkap atau pemohon yang masih di bawah umur kelayakan, beliau berkata terserahlah kepada pentadbiran baru ibu pejabat Umno untuk menentukan kedudukan mereka.

Rais, yang menyifatkan masalah permohonan bekas anggota S46 sebagai soal teknikal, berkata kesemua 200,000 permohonan yang dikemukakan selepas pembubaran parti itu telah disokong oleh bekas Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat.

Katanya, persetujuan yang dicapai antara para pemimpin kedua-dua parti itu pula adalah supaya kesemua bekas anggota S46 itu menyertai Umno secara beramai-ramai.

"Saya percaya masalah yang sedang dihadapi ini dapat diselesaikan dengan sempurna sekiranya falsafah asal penyatuan bangsa kita tidak

diketepikan," katanya. -- BERNAMA
AH NMO